



## **RHB Islamic, Pernas perkasakan usahawan B40**

Oktober 4, 2022 @ 5:07pm

KUALA LUMPUR: RHB Islamic Bank Bhd (RHB Islamic) dan Perbadanan Nasional Bhd (Pernas), syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan agensi pembangunan usahawan dan pembangunan industri francais di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), bekerjasama bagi melancarkan Program "B40 Empowerment Strategy - Be Your Own Boss" (BEST-BYOB).

Ia menyasarkan pemerksaan seramai 42 usahawan mikro pra-francais dari kalangan asnaf dan B40 komuniti.

RHB Islamic dalam satu kenyataan berkata, program BEST-BYOB menggabungkan kekuatan unik dari projek asal BYOB oleh Pernas dan program BEST oleh RHB Islamic.

Kolaborasi itu, katanya, mempertingkatkan lagi mutu program dengan menghasilkan pakej keusahawanan yang lebih lestari, holistik dan kompetitif bagi memberi manfaat kepada bakal pemilik perniagaan pra-francais terutamanya dari kalangan asnaf dan B40.

Selain itu, kerjasama berkenaan adalah inisiatif yang pertama di pasaran dalam menawarkan bantuan dana zakat bersama pakej solusi perusahaan kecil dan sederhana kepada usahawan pra-francais.

"Selain dari menyediakan sokongan kewangan kepada usahawan, Program BEST-BYOB juga menawarkan dua inisiatif bagi melengkapkan usahawan mikro dari segenap umur dengan bantuan dan kepakaran dalam membimbing mereka mengembangkan perniagaan.

"Ini termasuklah kursus latihan berstruktur, padanan perniagaan, geran, pembiayaan dan pemantauan perniagaan selama enam bulan dari tempoh permulaan perniagaan.

"Program BEST-BYOB menyediakan saluran bimbingan dan panduan kepada usahawan mikro pra-francais berdasarkan sistem pra-francais Transformasi Perniagaan (BIT)," kata kenyataan itu.

Di bawah program itu, peserta boleh memohon geran sehingga RM10,000 daripada RHB Islamic dengan peruntukan sebanyak RM500,000 selain pembiayaan tambahan di bawah Skim Pembiayaan Pra-Francais BIT.

Inisiatif ini juga memperluaskan lagi jaringan ekosistem RHB Harmoni, khususnya penggunaan berasaskan nilai (VBI) dalam menjana impak positif dan mampan kepada ekonomi dan dalam melaksanakan kewangan sosial Islam.

Ia juga mencerminkan sokongan kami kepada iTEKAD yang menjadi suatu inisiatif khas oleh Bank Negara Malaysia untuk menggerakkan instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat, wakaf dan sadaqah.

"Kami berharap agar kami dapat mempelbagaikan lagi usaha dan sokongan kepada golongan usahawan asnaf dan B40 dalam membina ketahanan kewangan dan mampu menjana pendapatan yang mampan," kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic, Datuk Adissadikin Ali.

Peserta Program BEST-BYOB yang layak akan dipadankan dengan pelbagai jenama pra-francais di bawah sistem pra-francais BIT seperti Nab Peneram, Mekeria, Bubur Ayam Dahlia, Uncle's Putu Piring, Golden Takoyaki dan banyak lagi.

Pemilik jenama pra-francais BIT juga berpeluang mendapat manfaat dari khidmat pakej RHB SME e-Solution oleh RHB Islamic yang menyediakan saluran perbankan internet komprehensif dan pelbagai fasiliti akaun perniagaan.

"Jaringan kerjasama strategik dan sinergi di antara Pernas dan RHB Islamic di dalam program BEST-BYOB ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan mampu memberi impak positif dalam aspek ekonomi dan sosial.

Dari aspek ekonomi misalnya bakal usahawan dapat menjana pendapatan harian sambil mewujudkan lebih banyak peluang

keusahawanan dari golongan B40 dan asnaf di dalam bidang francais dan pra-francais sekaligus menjana pertumbuhan ekonomi," kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pernas, Mazlan Ibrahim.

Usahawan yang mendapat tawaran di bawah Program BEST-BYOB boleh memilih untuk menyertai antara dua pakej iaitu, Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent

(SWEET) bagi wanita Muslim berumur antara 21 hingga 60 tahun, atau Young Entrepreneurship Engagement Talent (YOUNITY) bagi belia Muslim berumur antara 21 hingga 40 tahun.